

Kegiatan risik: Kerajaan akan bertindak tegas

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan kerajaan akan bertindak sewajarnya bila didapati perlu ke atas pegawai dan kakitangan kedutaan asing di negara ini yang menjalankan kegiatan merisik.

"Sebagai sebuah kerajaan, kita mempunyai maklumat tentang segala perkara yang berlaku atau apa yang dilakukan oleh seseorang itu," katanya ketika diminta mengulas laporan mengenai kegiatan merisik yang dikatakan dilakukan oleh tiga orang kakitangan Kedutaan Russia di sini.

Majalah Asiaweek baru-baru ini melaporkan gerakan tentera Russia dan diplomatiknya di Asia Tenggara disokong oleh rangkaian perisik Russia di kedutaan-kedutaannya.

Dilarang

Majalah itu juga mendedahkan nama-nama kakitangan Russia di beberapa ibu negara termasuk Kuala Lumpur yang dikatakan menjadi perisik KGB.

Datuk Musa, yang juga Menteri Dalam Negeri menambah pertubuhan-pertubuhan serta orang perseorangan tidak dilarang mengemukakan pendapat masing-masing mengenai perkara itu.

Beliau menyatakan demikian sebagai merujuk kepada laporan menge-

nai bantahan rasmi yang akan dikemukakan kepada kerajaan oleh Pergerakan Pemuda Umno supaya tindakan tegas diambil ke atas tiga orang kakitangan Kedutaan Russia itu.

Pemangku Perdana Menteri menjelaskan tindakan menangkap perisik tidak harus dijalankan 'di depan khalayak ramai'.

"Kita akan bertindak sewajarnya bila didapati perlu.

"Kerajaan tidak akan melaksanakan tindakan menangkap perisik melalui media massa," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia